

Utusan Borneo : 18 Julai 2024

Pemuda tidak dibenar ikat jamin dalam kes tembak

SIBU: Seorang pemuda yang ditahan reman bagi membantu siasatan kes tembak pada awal tahun ini, dihadapkan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Bagaimanapun tiada pengakuan diambil daripada tertuduh, Billy Harris Wee, 25, selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Romario

Jonoi.

Mahkamah menetapkan 25 Julai ini untuk sebutan semula kes di Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksan yang dibaca bersama Seksyen 109 Kanun yang sama.

Seksyen 307 memperuntukan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan juga denda dan

sekiranya melibatkan kecederaan, boleh dipenjara sehingga 20 tahun jika sabit dengan kesalahan.

Sementara menunggu sebutan semula kes, Billy yang diwakili peguam Ranbir Singh tidak dibenarkan bebas dengan ikat jamin.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa bersubahat dengan

dua lain berusia 21 dan 32 tahun yang masih bebas, melepaskan tembakan ke arah seorang pemuda berusia 29 tahun.

Mereka tidak melakukan kesalahan itu di sebuah premis makan di Jalan Wong King Huo pada 1 Januari 2024, kira-kira jam 5.41 petang.

Pada 3 Julai lepas, pihak polis

telah menahan empat suspek termasuk tertuduh di sekitar bandar ini, selain seorang lagi suspek di Johor pada 4 Julai.

Empat suspek lain yang diwakili peguam Boston Ho, Daniel Ling dan Alexander Ling, dibebaskan dengan ikat jamin dengan seorang penjamin, selain dijadikan saksi pihak pendakwa.